

888 KERETA TERSADAI

Bomba sukar masuk ke kawasan perumahan, undang peningkatan kes demam dengan

Oleh Mohammad Khairil
Ashraf Mohd Khalid
ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dianggarkan 2,112 kenderaan tersadai yang 'menghantui' penduduk di 64 Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) sejak puluhan tahun lalu.

Daripada jumlah itu, kira-kira 888 kereta tersadai manakala selebihnya adalah motosikal yang sesetengahnya hanya tinggal rangka.

Pengerusi Gabungan Persatuan PA dan PPR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ismail Shaari berkata, setiap tahun, bilangan kenderaan yang tersadai akan meningkat dan pihaknya kerap meluahkan isu itu kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Pengurusan (MC).

Bagaimanapun katanya, alasan diterima daripada DBKL adalah ketidaaan tempat untuk meletakkan kenderaan tersadai yang ada di PA dan PPR.

"Cadangan kita bagi pihak gabungan agar DBKL melantik konsultan atau

tu-satu masa.



Kenderaan tersadai boleh jadi tempat pembiakan nyamuk umpamanya kereta yang tidak ada pintu atau bumbung"

Ismail

kontraktor khas untuk menyelesaikan masalah ini dalam Bajet 2025.

"Peruntukan khas bajet itu dikeluarkan untuk selesaikan masalah kereta tersadai, sebab perkara ini benda lama. Sekiranya bajet khas tidak dikeluarkan, jadi susah-




lah. Pihak DBKL boleh sediakan tempat baru," kata-

Katanya, sekiranya berlaku kebakaran di kawasan PA atau PPR, kenderaan tersadai itu akan menyukarkan bomba masuk ke kawasan berkenaan bagi memadam kebakaran.

Mengulas lanjut, Ismail yang juga Pengerusi Persatuan Penduduk PA Desa Rejang berkata, untuk kawasan yang diketuainya, sebanyak 119 kereta dan 96 motosikal tersadai sehingga ini.

"Kenderaan tersadai jadi kesulitan dan halangan kepada bomba. Kebakaran cepat merebak dan kemalangan jiwa boleh berlaku. Kitat tak mahu perkara ini berlaku," katanya.

Katanya, masalah lain adalah ia boleh



KEADAAN parkir yang penuh di PPR Desa Rejang Setapak.



menjadi tempat pembiakan nyamuk.

"Sini hotspot (kawasan panas) dengan. Ramai yang kenal dengan. "Kenderaan tersadai boleh jadi tempat pembiakan nyamuk umpamanya kereta yang tidak ada pintu atau bumbung apabila hujan, air akan bertakung," katanya.

Beliau turut menyenaraikan beberapa faktor dibimbangi pihaknya sekiranya isu kenderaan tersadai yang berlarutan tidak diselesaikan.

Katanya, masalah lain adalah ia boleh



ISMAIL (kanan) bersama penduduk melakukan tinjauan kereta yang tersadai di PPR Desa Rejang, Setapak.



SEMUA kenderaan yang disita akan dibawa ke Depoh Tunda Kenderaan Buruk dan Tersadai Taman Connaught, Kuala Lumpur.